



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# UiTM 2025

## Pelan Strategik

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan



# U i T M 2025

## Pelan Strategik

Menyerlahkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

Hakcipta © 2020 oleh Bahagian Transformasi Universiti  
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA

Hasil terbitan ini adalah tertakluk pada hak cipta. Keseluruhan hak dilindungi oleh Penerbit, ia merangkumi keseluruhan atau sebahagian daripada bahan yang terkandung, khususnya bagi hak terjemahan, cetakan semula, penggunaan semula ilustrasi, bacaan, penyiaran, terbitan semula dalam bentuk mikrofilem atau dengan cara fizikal yang lain, dan penularan atau penyimpanan maklumat dan pengambilan, penyesuaian elektronik, perisian komputer, atau dengan kaedah yang serupa atau berbeza yang diketahui pada masa kini atau dikembangkan kemudianya. Penggunaan penamaan deskriptif umum, tanda dagang nama berdaftar, tanda perkhidmatan, dan lain-lain dalam penerbitan ini tidak bermaksud, walaupun tidak ada pernyataan khusus, bahawa penamaan tersebut dikecualikan dari undang-undang dan peraturan pelindung yang relevan dan oleh itu bebas untuk penggunaan umum. Penerbit, pengarang dan penyunting adalah tidak terhalang mengandaikan bahawa panduan dan maklumat dalam buku ini diyakini benar dan tepat pada tarikh ia diterbitkan. Baik penerbit, pengarang atau penyunting memberikan jaminan, tersurat atau tersirat, berkenaan dengan bahan yang terkandung di dalamnya atau untuk kesilapan atau komisen yang telah terhasil. Penerbit kekal bersikap berkecuali berkaitan dengan tuntutan bidang kuasa dalam pelan yang diterbitkan dan gabungan institusi.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN 978-967-18992-1-2

Penyuntingan oleh Abdul Rahman Omar, Ahmad Taufek Abdul Rahman, Mohamad Faizul Yahya, Alawi Sulaiman, Azlan Ismail, Zaibunnisa Abdul Haiye, Norfashiha Hashim, Rusmadiah Anwar

Imej muka hadapan dan Reka bentuk buku oleh Md Faizul Khalid @ Abd Malek, Mohd Noor Faizal Ab Malek, Mansor Musa

Foto oleh Jabatan Komunikasi, Universiti Teknologi MARA

Dicetak di Pusat Percetakan UiTM  
Cetakan Pertama Februari 2020

Diterbitkan oleh National Design Centre  
Kompleks Ilham, Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor MALAYSIA  
[ndc.uitm.edu.my](http://ndc.uitm.edu.my)

# UiTM 2025

## Pelan Strategik

Menyerlahkan Potensi

Membentuk Masa Hadapan

# KANDUNGAN

Pengantar	4
Pengerusi	
Naib Canselor	
Pengenalan	6
Rancangan Malaysia UiTM 2001-2020	8
Pencapaian Rancangan Malaysia UiTM 2001-2020	9
Pencapaian Semasa	10
Alumni Tersohor	18
Pengiktirafan, Pencapaian dan Kejayaan Cemerlang	20
Isu dan Cabaran	24
Pelan Strategik UiTM2025	26
Pemetaan Strategik UiTM2025	31
Falsafah, Visi, Misi, Moto & Slogan	32
Objektif	33
Nilai I-DART	34
Nilai ESI	35
Hasrat dan Matlamat UiTM2025	36
<b>Teras Strategik 1:</b> Pendidikan Berkualiti	38
Tema Strategik 1 Education 5.0@UiTM	
Tema Strategik 2 Graduan Seimbang & Berciri Keusahawanan	
Tema Strategik 3 Peluasan Akses	
<b>Teras Strategik 2:</b> Kecemerlangan Global	52
Tema Strategik 4 Pembangunan Penyelidikan Translasional	
Inovasi dan Pengkomersilan	
Tema Strategik 5 Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni	
<b>Teras Strategik 3:</b> Prestasi Berorientasikan Nilai	62
Tema Strategik 6 Kecemerlangan Bakat	
Tema Strategik 7 Tadbir Urus Tangkas	
Tema Strategik 8 Kampus Pintar	
Tema Strategik 9 Kemampaman Kewangan	
<b>Ringkasan Pelan Strategik UiTM2025</b>	81
<b>Penghargaan Khas</b>	85
<b>Penghargaan</b>	86



# Pengantar



## Pengerusi

Bismillahirrahmanirrahim.

UiTM sentiasa terkehadaan dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada bumiputera. Sejajar dengan sasaran utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memartabatkan pendidikan tinggi di Malaysia, UiTM telah mengambil langkah yang signifikan bagi meningkatkan prestasi, termasuklah menggandakan usaha kolaborasi dan pengantarabangsaan. UiTM perlu terus berkembang terutamanya dalam keadaan peningkatan desakan disebabkan perubahan lanskap sosiopolitik dan ketidaktentuan ekonomi. Oleh itu, adalah penting bagi UiTM untuk menilai dan menyusun semula misi untuk bangkit menghadapi cabaran dan memenuhi keperluan masa hadapan.

UiTM akan berusaha ke arah peningkatan yang berterusan di semua peringkat dalam organisasi. Kepantasan dan ketepatan merupakan intipati perkembangan dan kejayaan bagi UiTM. UiTM berikrar untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan di tempat kerja dengan menumpukan kepada pembangunan kemahiran dan kecekapan staf, mengoptimumkan penggunaan aset, memperkasakan pemimpin dalam institusi melalui keterlibatan dalam membuat keputusan yang berhemah dan melalui komunikasi yang jelas. Fokus kepada bekerjasama juga turut melibatkan pihak luar. UiTM turut berhasrat untuk mengadakan pelbagai kerjasama dengan pemain industri, organisasi antarabangsa yang terkemuka serta institusi pendidikan lain. Kerjasama penyelidikan dan pembangunan memberi penekanan terhadap penyelesaian masalah negara dan memberi pendedahan industri kepada pelajar dan staf akan dipertingkatkan. Akhirnya, UiTM berharap mampu menyerlahkan ketampakannya di peringkat antarabangsa.

Di peringkat yang lebih mikro, staf UiTM perlu lebih proaktif dan menjawai tugas dan tanggungjawab. Sikap sambil lewa dalam menjalankan tugas tidak seharusnya menjadi amalan. Diharapkan UiTM dapat berkomunikasi dan bekerjasama melalui kaedah yang lebih tersusun dalam menetapkan sasaran yang lebih jelas di samping memberi fokus terhadap pelaksanaan yang berkesan dan membaharuan hasil yang mengagumkan. Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, adalah satu penghormatan bagi saya untuk mengemudi UiTM selari dengan misi dan visinya dalam memenuhi impian dan mencapai potensi sebenar dengan yakin.

**Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir**

## Naib Canselor

Bismillahirrahmanirrahim.

Dokumen ini merupakan hasil usaha yang berterusan daripada pelbagai pihak dalam memacu UiTM ke dimensi baharu untuk negara. Universiti berharap mampu menyerlah potensi dan membentuk masa hadapan seperti yang diimpikan untuk menjadi universiti terkemuka di dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan dalam tempoh lima tahun. Kejayaan universiti memacu ke peringkat yang lebih tinggi hanya dapat dicapai melalui kerjasama semua pemegang taruh. Pengurusan atasan universiti percaya bahawa pemegang taruh merupakan penggerak utama dalam peletakan dan pengiktirafan UiTM sebagai universiti pilihan, sama ada dalam atau luar negara.

Pelan strategik ini menggabungkan senario persekitaran semasa dan pembaharuan pendidikan tinggi, sebagaimana yang dihasratkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Ini termasuklah tanggungjawab sosial terhadap bumiputera untuk melanjutkan pengajian peringkat tinggi yang tetap menjadi keutamaan universiti. Pelan ini meletakkan asas inisiatif strategik yang bakal dilaksanakan pada tahun-tahun mendatang. UiTM, secara positifnya berhasrat melibatkan komuniti sekeliling dan masyarakat umum melalui pendidikan berkualiti, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan cekap di samping mengurangkan ketidaksamarataan. Usaha ini membolehkan individu daripada semua lapisan untuk menyumbang ke arah kemajuan dan kemakmuran ekonomi negara.

Diharapkan aspirasi universiti ini akhirnya akan direalisasikan dan mampu memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat, seterusnya memainkan peranan yang sangat penting ke arah pencapaian Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Semoga segala usaha bersama ini diberkati. Bersama kita jayakan.

**Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim**





## Pengenalan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA merupakan sebuah institusi pengajian tinggi dan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Pada awalnya, UiTM dikenali sebagai Dewan Latehan RIDA (Lembaga Pembangunan Luar Bandar dan Industri) dengan tujuan untuk membina semula masyarakat luar bandar, di samping meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu luar bandar. Dewan Latehan RIDA mengendalikan beberapa kursus profesional yang ditawarkan oleh badan antarabangsa seperti London Chamber of Commerce, The Australian Chartered Secretaryship, The Australian Society of Accountants dan The British Institute of Management.

Pada Jun 1965, Dewan Latehan RIDA mula dikenali sebagai Kolej MARA dan menawarkan programnya sendiri iaitu Diploma Pengajian Perniagaan pada tahun 1966. Pengiktirafan antarabangsa bagi kursus ini diperoleh dari Ealing Technical

College of London yang juga merupakan pemeriksa luarnya. Kolej MARA secara rasmi dinamakan sebagai Institut Teknologi MARA (ITM) pada 14 Oktober 1967. Penubuhannya adalah sebagai hasil daripada keperluan mendesak negara bagi menghasilkan tenaga kerja terlatih, terutamanya bumiputera, sama ada di peringkat profesional dan separa profesional. Pelbagai kursus ditawarkan secara bersekutu dengan institusi antarabangsa dan ITM juga menawarkan kursus Diploma Lanjutan yang setara dengan ijazah am.

Pada Ogos 1999, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan taraf status ITM daripada institut kepada universiti dan dinamakan sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang membolehkan penawaran kursus pengajian dan penganugerahan ijazah di semua peringkat.



Pada 26 Ogos 1999, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan taraf status ITM daripada institut kepada universiti

# Rancangan Malaysia UiTM 2001-2020



Bagi mendukung mandat yang diberikan kepada universiti, UiTM responsif terhadap perubahan lanskap semasa dan kemajuan teknologi dalam era ini. UiTM menyediakan dan membangunkan pelan strategik lima tahun bagi merealisasikan mandat untuk penambahbaikan berterusan dan memenuhi aspirasi pemegang taruh bagi membangunkan potensi dalam kalangan bumiputera. Pelan strategik ini selaras dengan Rancangan Malaysia lima (5) tahun yang dikenali sebagai Rancangan Malaysia UiTM. Sejak dinaik taraf ke status universiti, UiTM telah berkembang maju di bawah empat (4) Rancangan Malaysia UiTM iaitu Rancangan Malaysia Ke-8 UiTM, Rancangan Malaysia Ke-9 UiTM, Rancangan Malaysia Ke-10 UiTM dan yang terkini Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM.

Rancangan-rancangan Malaysia UiTM ini dibangunkan dengan unjuran strategik tujuhan tersendiri. Rancangan Malaysia UiTM Ke-8 memberi tumpuan terhadap pembangunan program akademik, staf, pelajar dan infrastruktur fizikal. Seterusnya, Rancangan Malaysia Ke-9 UiTM memfokuskan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pemindahan ilmu dan pengkomersilan. Unjuran strategik Rancangan Malaysia Ke-10 UiTM dan Ke-11 UiTM memberi penekanan kepada elemen tambahan termasuk kepimpinan dan keusahawanan. Rancangan-rancangan ini juga menekankan penglibatan universiti dengan industri dan masyarakat.

Pencapaian setiap Rancangan Malaysia UiTM dinilai dan dipantau dengan menggunakan satu set Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan digambarkan seperti dalam Jadual 1.

# Pencapaian Rancangan Malaysia UiTM 2001-2019

Petunjuk Prestasi Utama	Rancangan Malaysia Ke-8 UiTM (2001 – 2005)	Rancangan Malaysia Ke-9 UiTM (2006 -2010)	Rancangan Malaysia Ke-10 UiTM (2011 -2015)	Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016 -2020)*
Enrolmen pelajar (sepenuh masa)	74,914	142,815	150,647	166,289
Enrolmen Pelajar (separuh masa)	10,568	15,337	14,853	14,269
Kebolehpasaran graduan (%)	78.6	82.9	78.1	83.8
Penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan keseluruhan (%)	3.3	7.97	18.3	28.5
Sumber manusia:				
Staf akademik	4,821	8,400	8,948	8,625
Staf pentadbiran	5,282	9,298	9,310	8,721
Staf akademik berkelulusan Ph.D	401	824	1,681	2,396
Kategori staf akademik :				
Profesor	74	125	168	186
Profesor Madya	879	1,081	761	619

\*Data pada Disember 2019

Jadual 1: Pencapaian Rancangan Malaysia UiTM 2001-2019

# Pencapaian Semasa

Analisis prestasi semasa UiTM merupakan asas kepada strategi dan inisiatif yang akan memacu hasil yang diharapkan oleh universiti. Pencapaian empat tahun (2016-2019) universiti dibentangkan berdasarkan kepada tiga (3) teras strategik iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai.

## Pendidikan Berkualiti 2016-2019

Petunjuk untuk pendidikan berkualiti diukur dengan menggunakan Sistem Penarafan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia atau SETARA dan tiga (3) Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Penilaian SETARA dilakukan setiap dua (2) tahun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam penilaian pada tahun 2017, UiTM mendapat skor 75.3% dan layak mendapat penarafan 5 BINTANG dalam kategori universiti matang seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Pencapaian tiga (3) KPI iaitu enrolmen pelajar, peratusan kebolehpasaran graduan (GE) dan peratusan graduan menjadi usahawan ditunjukkan dalam Rajah 2. Enrolmen pelajar universiti menunjukkan peningkatan dalam tempoh empat (4) tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan enrolmen pascasiswa. Sementara itu, kebolehpasaran graduan (GE) dalam tempoh empat (4) tahun yang lalu mencerminkan pencapaian yang hampir sama tetapi masih dalam variasi yang ditetapkan.





## PENCAPAIAN SETARA 2017



KRITERIA	PEMBERAT	SKOR
PERKHIDMATAN	10%	5.7
PENYELIDIKAN	20%	17.6
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN	30%	25.2
UMUM	40%	26.8

Rajah 1: Penarafan SETARA UiTM 2017


### ENROLMEN



### PERATUSAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN



### PERATUSAN GRADUAN MENJADI USAHAWAN



Rajah 2: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berdasarkan Pendidikan Berkualiti

# Kecemerlangan Global 2016-2019

Piawaian Kecemerlangan Global diukur melalui QS Ranking, Pentaksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA) dan jalinan kerjasama pintar universiti-industri. UiTM mula menggunakan Penarafan Dunia QS (QS World Ranking) sejak 2012 sebagai petunjuk untuk mengukur Kecemerlangan Global universiti. Sehingga kini, UiTM tersenarai dalam lingkungan 601-800 dalam penarafan dunia dan kedudukan kesembilan (9) dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Dalam Penarafan Universiti Asia QS (QS Asia University Ranking), kedudukan UiTM telah meningkat secara progresif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 (a). Berdasarkan skor MyRA pula (Rajah 3b), prestasi penyelidikan UiTM meningkat setiap tahun. Pemerolehan geran penyelidikan, jumlah penerbitan dan sitasi telah menyumbang kepada peningkatan ini.



	PENARAFAN UNIVERSITI BERTARAF DUNIA	PENARAFAN UNIVERSITI BERTARAF ASIA
2019	#751- 800	#137
2018	#751- 800	#158
2017	#701+	#181
2016	#701+	#201-250


Rajah 3 (a): Pencapaian Kecemerlangan Global dalam Penarafan QS

## PENARAFAN QS BERASASKAN SUBJEK


	2016	2017	2018	2019
<b>Seni &amp; Kemanusiaan</b>	-	249	239	383
Senibina	-	101 - 150	151 - 200	-
Seni & Reka bentuk	-	151 - 200	-	-
<b>Sains Tulen</b>	-	-	-	-
Kimia	-	451 - 500	401 - 451	451 - 500
Sains Bahan	-	-	-	301 - 350
<b>Sains Hayat &amp; Perubatan</b>	-	-	451 - 500	-
Pertanian & Perhutanan	-	151 - 200	251 - 300	-
Perubatan	-	351 - 400	351 - 400	401 - 450
Farmasi & Farmakologi	-	151 - 200	201 - 250	-
<b>Kejuruteraan &amp; Teknologi</b>	-	280	180	290
Sains Komputer	351 - 400	251 - 300	301 - 350	451 - 500
Kejuruteraan – Kimia	-	151 - 200	201 - 250	-
Kejuruteraan – Elektrik & Elektronik	251 - 300	201 - 250	251 - 300	351 - 400
Kejuruteraan – Mekanikal	201 - 250	151 - 200	201 - 250	301 - 350
<b>Sains Sosial &amp; Pengurusan</b>	-	309	198	324
Perakaunan & Kewangan	151 - 200	151 - 200	151 - 200	251 - 300
Pengurusan & Pengajian Perniagaan	-	201 - 250	201 - 250	301 - 350
Pendidikan	201 - 250	201 - 250	251 - 300	-
Ekonomi dan Ekometrik	-	-	-	351 - 400

Perkongsian pintar universiti-industri telah menjadi keutamaan dalam memastikan penglibatan berterusan pihak industri, seterusnya memastikan UiTM terus relevan. UiTM telah berjaya berkerjasama dengan organisasi multinasional dalam pelbagai sektor seperti minyak dan gas, perbankan, perubatan, pembinaan, pembuatan dan perladangan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Universiti menyediakan peluang kepada staf dan pelajar untuk memperoleh dan meningkatkan pengalaman antarabangsa dan membangunkan kecekapan silang budaya melalui program mobilitinya. Rajah 4 menunjukkan perkembangan penglibatan pelajar dalam program mobiliti secara berperingkat.

## MoU /MoA KUMULATIF DENGAN INDUSTRI 2016-2019



## MOBILITI PELAJAR



## 2019\*



\* Data Audit MyRA KPM (masih menunggu)

Rajah 3 (b): Pencapaian Kecemerlangan Global dalam Penarafan Bintang MyRA

Rajah 4: Kolaborasi UiTM-Industri dan Mobiliti Pelajar

# Rakan Industri Strategik




## Prestasi Berorientasikan Nilai



Petunjuk Prestasi Berorientasikan Nilai diukur melalui kecemerlangan bakat, tadbir urus tangkas, kampus pintar dan kemampuan kewangan. Dalam konteks universiti, kecemerlangan bakat lazimnya dirujuk melalui kecekapan staf dalam bidang akademik dan keberkesan pentadbiran. Sehingga kini, UiTM menunjukkan trend peningkatan sebanyak 7% staf berkelulusan Ph.D dan purata sebanyak 155 profesor dari tahun 2016-2019 (Rajah 5).

UiTM telah mengamalkan tadbir urus 1UiTM-Multisistem dan kecekapannya diukur menggunakan Indeks Tadbir Urus sejak tahun 2018. UiTM menggariskan tujuh (7) nilai teras dalam merealisasikan visi dan misi universiti. Begitu juga penghayatan nilai dalam kalangan staf ditunjukkan melalui Indeks Budaya PERDANA UiTM. Pada tahun 2018, UiTM mencatat sebanyak 0.89 untuk Indeks Budaya PERDANA UiTM dan 0.6 untuk Indeks Tadbir Urus.

UiTM telah menekankan inisiatif kemampuan kewangan dalam menjadi mandiri dan kurang bergantung kepada pembiayaan kerajaan. Terdapat trend peningkatan pendapatan bagi golongan yang berkerja sendiri berbanding perbelanjaan operasi (OE) iaitu daripada 21.1% pada tahun 2016 kepada 28.5% pada tahun 2019.



Rajah 5 : Pencapaian berkaitan dengan Prestasi Berorientasikan Nilai



## Penunjuk Prestasi Utama 2016-2019

	2016	2017	2018	2019
✓ Staf berkelulusan Ph.D	1,803	1,988	2,173	2,281
✓ Nisbah penerbitan berindeks staf	0.60	0.73	0.76	0.27
✓ Nisbah sitasi staf	7.00	8.31	8.17	5.17
✓ Geran Penyelidikan (RM juta)	32.9	32.8	43.3	48.8
✓ Kebolehpasaran graduan (%)	82.9	84.4	83.2	83.8
✓ Enrolmen pascasiswazah	9,492	8,570	8,233	8,312
● Pascasiswazah tempatan	9,369	8,453	8,037	8,036
● Pascasiswazah antarabangsa	123	117	196	276
✓ Paten yang diperoleh*	11	29	43	52
✓ Syarikat spin-off*	1	3	4	7
✓ Penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan (%)	21.1	20.4	25.5	28.5
✓ Tabung endowmen* (RM juta)	1.0	1.0	1.0	51.2

\*Data Kumulatif bagi empat (4) tahun

Data sehingga Disember 2019

# Alumni Tersohor

\* Data sehingga Disember 2019



**DATUK NORIPAH KAMSOL**

Pengerusi  
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd.

*Diploma Pengajian Perniagaan*



**DATUK AHMAD BADRI MOHD ZAHIR**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

*Diploma Pengurusan Hartanah*



**DATUK HAZIMAH ZAINUDDIN**

Pengarah Urusan Kumpulan  
Pengasas Hydrax Oil Sdn. Bhd.

*Diploma Pengajian Perniagaan*



**NORA ABD MANAF**

Ketua Pegawai Sumber Manusia  
Kumpulan Maybank

*Diploma Perbankan*



**DATUK AISHAH SHAIKH AHMAD**

Ketua Hal Ehwal Korporat (Kumpulan Motor)  
Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Auto Import Sdn. Bhd.

*Diploma Perbankan*



**DATUK Ir. WAN NAZRI Hj. WAN ARIA**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Gruppe Consultant

*Diploma Kejuruteraan Awam*  
*Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian)*  
*Perhubungan Awam*  
*Sarjana Komunikasi Massa*



**RAJA SA'ADI RAJA AMRIN**

Pengarah Perhubungan Awam & Komunikasi

*Malindo Air Sdn. Bhd.*

*Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian)*  
*Perhubungan Awam*  
*Sarjana Komunikasi Massa*



**CHEF DATO' Hj. ISMAIL AHMAD**

Chef Selebriti/Pemilik  
Restoran Rebung, Kuala Lumpur

*Diploma Pengurusan Hotel dan Katering*



**DATUK KAMARUDIN MERANUN**

Pengerusi Air Asia  
CEO Kumpulan Tune

*Diploma Sains Aktuari*



**DATUK Ir. Dr. SITI HAMISAH TAPSIR**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

*Diploma Kejuruteraan Awam*



**TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH CHE OTHMAN**

Pengerusi Kumpulan  
UMW Holding Sdn. Bhd.

*Diploma Statistik*



**YUNALIS MAT ZARA'AI**

Penyanyi/Penulis Lirik  
Antarabangsa

*Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Undang-Undang*



**Dr. YULIANDRE DARWIS**

Pengerusi Suruhanjaya Penyiaran Indonesia  
(Ph.D) Komunikasi Massa dan Pengajian Media

*Diploma Latihan Chef*



**CHEF ZUBIR MD. ZAIN**

Chef Selebriti/Pemilik  
Laman Grill Steak & Bar-B-Que

Adorra oleh Suria Tropika

*Ijazah Sarjana Muda Muzik*



Pemuzik/Komposer/Selebriti  
& Ketua Pegawai Eksekutif L Queentertainment Sdn. Bhd.

*Ijazah Sarjana Muda Muzik*

\* Data sehingga Disember 2019

# Alumni Tersohor

5  
2

# Pengiktirafan, Pencapaian dan Kejayaan Cemerlang




# Pengiktirafan, Pencapaian dan Kejayaan Cemerlang

5  
2



# Pengiktirafan, Pencapaian dan Kejayaan Cemerlang

CO  
F  
O  
N



# Pengiktirafan, Pencapaian dan Kejayaan Cemerlang

O  
E  
O  
N





## Isu dan Cabaran

Bagi mendukung aspirasi negara, UiTM sentiasa memberi penekanan terhadap tiga (3) aspek iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai sebagaimana yang digariskan dalam setiap Rancangan Malaysia UiTM. Walaupun berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran yang tidak dapat dielakkan dan boleh mempengaruhi prestasi yang telah digariskan, UiTM telah menangani dengan jayanya.

UiTM percaya bahawa perkembangannya akan menjadi lebih maju dengan menangani isu-isu berkaitan kewangan dan pembiayaan, ketampakan dan penjenamaan, pengkomersilan produk yang terhad dan penyesuaian dengan perubahan kecekapan.

Cabarannya utama yang dihadapi oleh UiTM adalah untuk merapatkan jurang kecekapan dalam kalangan staf. Wujud ketidakpadanan antara pembangunan bakat dan matlamat

strategik universiti. Cabaran ini menjadi lebih kritikal dengan wujudnya jurang generasi yang pelbagai apabila lebih ramai generasi milenium menyertai organisasi. Ini juga tergambar dalam usaha menangani perubahan pembangunan bidang kepakaran dalam kewujudan bidang baharu dan teknologi khusus.

UiTM sedang menuju ke arah universiti berintensifkan penyelidikan. Ini menunjukkan perkembangan yang positif apabila ramai staf akademik mula menerbitkan hasil penyelidikan mereka. Namun, jumlah penerbitan berimpak tinggi masih rendah dapat digambarkan melalui nisbah sitasi staf yang rendah. Pemerolehan geran penyelidikan UiTM menunjukkan peningkatan yang positif, tetapi terhad kepada geran peringkat kebangsaan. UiTM perlu merancang dengan sistematik untuk memperoleh geran antarabangsa dan swasta.

Dasar kerajaan yang kurang menggalakkan kebergantungan sepenuhnya kepada pembiayaan kerajaan, sedikit sebanyak mempengaruhi pengurusan operasi universiti. Bagi pertumbuhan kewangan jangka panjang, universiti perlu menjadi lebih kreatif untuk menjana pendapatan menggunakan kepakaran dalamannya. UiTM melihat bahawa kekurangan pembiayaan boleh menjadikan produktiviti aktiviti ketampakan seperti penjenamaan, pengiklanan dan promosi mobiliti serta jaringan dan kerjasama. Di samping itu, ia akan mengehadkan penyediaan infrastruktur yang canggih.

UiTM menyedari bahawa kekurangan tersebut merupakan pengajaran penting yang perlu dipertimbangkan oleh UiTM untuk menjadi relevan sebagai sebuah institusi pengajaran tinggi bertaraf global. Pengajaran ini dipadukan dan dianalisis untuk membentuk asas dalam merangka Pelan Strategik UiTM2025 yang baharu.



## Pelan Strategik UiTM2025

UiTM2025 dibangunkan berdasarkan kerangka strategik yang mengambil kira dan mengintegrasikan dasar dan perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta trend global. Prestasi semasa universiti dapat dilihat melalui semakan Rancangan Malaysia UiTM Ke-11 dan laporan prestasi UiTM 2016–2019. Prestasi UiTM dinilai lebih terperinci menggunakan analisis SWOT melalui beberapa siri bengkel pengurusan kanan. Selain itu, kemuncak idea timbul daripada maklum balas pemegang taruh, seterusnya membentuk asas kerangka strategik UiTM.

Hala tuju pelan strategik UiTM ini sejajar dengan dasar dan perancangan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sementara itu, dasar terkini kerajaan, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) digunakan sebagai prinsip panduan untuk memastikan bahawa hala tuju strategik ini adalah sejajar dengan agenda negara.

Dengan mengambil kira kemajuan melalui Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), hala tuju strategik UiTM bercirikan inisiatif berdasarkan bakat, proses dan teknologi yang membawa kepada penggunaan sistem pintar yang lebih pantas dan kukuh (analitis data raya dan pembelajaran mesin (machine learning), Internet of Things dan kecerdasan buatan). Konsep Masyarakat 5.0 (Society 5.0) yang dikenali sebagai "Masyarakat Pintar" juga terkandung dalam kerangka strategik UiTM, untuk mengambarkan masyarakat mampan yang diperkasakan dengan teknologi digital dan robotik. Perkembangan masyarakat pintar berkait rapat dengan menanamkan nilai teras dalam masyarakat UiTM, sekaligus mewujudkan masyarakat yang harmoni dan penyayang.

UiTM2025 juga memberi penekanan kepada inisiatif universiti yang mampu menyumbang ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) yang





Istiadat  
**Konvokesyen**  
Universiti Teknologi MARA 90  
23 - 28 Mac 2019  
• Dewan Agung Tuanku Canselor

# POLISI RUJUKAN

- Revolusi Perindustrian 4.0
- Matlamat Pembangunan Lestari
- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)
- Rancangan Malaysia UiTM ke-11
- Laporan Prestasi UiTM

# Pelan Strategik UiTM2025

UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA





# Pemetaan Strategik UiTM2025

## UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA

Visi : Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan  
Misi : Menjarai pembangunan bumiputera profesional menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak

PENDIDIKAN BERKUALITI    KECEMERLANGAN GLOBAL    PRESTASI BERORIENTASIKAN NILAI

GRADUAN SEIMBANG    ALUMNI    KERAJAAN (KPM)    MASYARAKAT    INDUSTRI

EDUCATION 5.0    KEUSAHAWANAN    PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL    PENGKOMERSILAN

PELUASAN AKSES    KECEMERLANGAN BAKAT

TADBIR URUS TANGKAS    KAMPUS PINTAR

KEMAMPANAN KEWANGAN

KECEMERLANGAN    SINERGI    INTEGRITI

ILMU    DISIPLIN    AMANAH    RAJIN    TANGGUNGJAWAB

Rajah 7 : Pemetaan Strategik UiTM2025

# Falsafah


Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangun diri, masyarakat dan negara

# Visi

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan

# Misi

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak



## Moto

Usaha, Takwa, Mulia

## Slogan

Menyerlahkan Potensi, Membentuk Masa Hadapan

# Objektif

**1**

Memacu dan memperluas akses dalam pendidikan tinggi

**2**

Menyediakan pendidikan bertaraf dunia

**3**

Menghasilkan graduan sembang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global

**4**

Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan

**5**

Memperluas akses dalam pendidikan tinggi

**6**

Melestarikan kecemerlangan penyelidikan organisasi berimpak melalui jaringan strategik bersama alumni dan industri

**7**

Menjuraui penyelidikan organisasi berimpak melalui jaringan strategik bersama alumni dan industri

**8**

Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri

**9**

Menyediakan ekosistem terhadapan yang kondusif demi kemajuan akademik

**10**

Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampuan organisasi



## Nilai I-DART

Nilai peribadi staf dan pelajar

Pengetahuan tentang kebenaran yang diperoleh menerusi pembelajaran formal dan tidak formal bagi pemahaman, penghayatan dan perkongsian untuk meningkatkan martabat diri dan manfaat bersama

ILMU

Kemampuan mengawal diri dan mematuhi peraturan dalam melaksanakan tugas

DISIPLIN

Bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan jujur berdasarkan kepada kepercayaan yang diberi

AMANAH

Tekun dan teliti dalam melaksanakan tugas

RAJIN

Melaksanakan tugas mengikut peraturan dan akauntabiliti atas setiap tindakan

TANGGUNGJAWAB

I-DART merupakan lima nilai asas dan penting yang perlu ada dalam diri setiap warga UiTM yang secara positifnya akan mendukung nilai ESI. Nilai-nilai ini perlu dihayati dan diamalkan kerana ia membentuk sikap, tindakan dan keperibadian selaras dengan misi dan visi UiTM

## Nilai ESI

Nilai bersama organisasi UiTM

KECEMERLANGAN

SINERGI

INTEGRITI

UiTM menekankan tiga nilai bersama organisasi (organisational shared values) iaitu ESI (Excellence, Synergy, Integrity). Nilai-nilai yang diterapkan ini merupakan inti pati utama dalam membuat keputusan dan tindakan.

UiTM yakin dan percaya bahawa nilai-nilai ini merupakan asas kepada penghasilan produktiviti, usaha penambahbaikan yang berterusan seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan.

Tiga nilai bersama organisasi ini akan memastikan UiTM terus memainkan peranannya dalam menyerlahkan potensi bakat yang dilahirkan ke arah membentuk masa hadapan untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025


Mengamalkan piawaian kualiti dalam berkaitan dengan keupayaan, kebolehan dan potensi diri supaya diiktiraf, dirujuk dan dihormati

Membudayakan kebersamaan dan keterangkuman yang harmoni dan produktif bagi mencapai hasil berkualiti yang bermanfaat dan berimpak tinggi

Menghayati nilai-nilai murni melalui kesedaran, pematuhan dan tingkah laku diri secara berterusan untuk mencapai etika profesionalisme yang tinggi

# Hasrat dan Matlamat UiTM2025

UiTM berhasrat untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Matlamat ini digalas oleh UiTM2025 yang memetakan hala tuju universiti. UiTM2025 berpaksikan tiga (3) teras strategik (Rajah 8). Setiap teras strategik disokong oleh tema strategik (TS) yang telah dikenal pasti. Pendidikan Berkualiti dipandu oleh tiga (3) TS. Teras strategik kedua, Kecemerlangan Global digerakkan oleh dua (2) TS. Akhir sekali, Prestasi Berorientasikan Nilai dimungkin pula oleh empat (4) TS.



Rajah 8 : Hasrat dan Matlamat UiTM2025

## UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA

Pendidikan Berkualiti	Kecemerlangan Global	Prestasi Berorientasikan Nilai
<b>SETARA 6 Bintang</b>	Penarafan Top 300 oleh QS World University Rankings	20 Subjek Mendapat Penarafan oleh QS World University Rankings by Subject
	Dua (2) Subjek Mendapat Penarafan Top 100 oleh QS World University Rankings by Subject	Indeks Kegembiraan 80%
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengintensifkan Pendidikan Transisional, Inovasi dan Fleksibel</li> <li>• 90% Kebolehpasaran Graduan (GE)</li> <li>• 200 000 Enrolmen - 3000 Pascasiswa Zah Antarabangsa</li> <li>• 10% Graduan Usahawan</li> <li>• Pendidikan Perantara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MyRA 6 Bintang</li> <li>500 MoU/MoA Antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti (ESI) diterapkan</li> <li>• Indeks Tadbir Urus Tangkas</li> <li>• Staf Berprestasi Tinggi</li> <li>• Kampus Digital</li> <li>• Hub Data Berpusat Pintar</li> <li>• Kampus Hijau</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menginsan Education 5.0</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kecemerlangan Bakat</li> <li>Tadbir Urus Tangkas</li> <li>Kampus Pintar</li> <li>Kemampuan Kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjanahan Pendapatan RM 1 Bilion</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Graduan Seimbang &amp; Berciri Keusahawanan</li> <li>Peluasan Akses</li> <li>Pembangunan Penyelidikan Transisional, Inovasi dan Pengkomersilan</li> <li>Perkongsian Pintar Industri, Komuniti &amp; Alumni</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>500 MoU/MoA Antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti (ESI) diterapkan</li> <li>• Staf Berprestasi Tinggi</li> <li>• Kampus Digital</li> <li>• Hub Data Berpusat Pintar</li> <li>• Kampus Hijau</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Education 5.0@UiTM</li> <li>Graduan Seimbang &amp; Berciri Keusahawanan</li> <li>Peluasan Akses</li> <li>Pembangunan Penyelidikan Transisional, Inovasi dan Pengkomersilan</li> <li>Perkongsian Pintar Industri, Komuniti &amp; Alumni</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>500 MoU/MoA Antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti (ESI) diterapkan</li> <li>• Staf Berprestasi Tinggi</li> <li>• Kampus Digital</li> <li>• Hub Data Berpusat Pintar</li> <li>• Kampus Hijau</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Education 5.0@UiTM</li> <li>Graduan Seimbang &amp; Berciri Keusahawanan</li> <li>Peluasan Akses</li> <li>Pembangunan Penyelidikan Transisional, Inovasi dan Pengkomersilan</li> <li>Perkongsian Pintar Industri, Komuniti &amp; Alumni</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>500 MoU/MoA Antarabangsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Indeks Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti (ESI) diterapkan</li> <li>• Staf Berprestasi Tinggi</li> <li>• Kampus Digital</li> <li>• Hub Data Berpusat Pintar</li> <li>• Kampus Hijau</li> </ul>

Matlamat Strategik

Teras Strategik

Tema Strategik

Nilai

# 1

## PENDIDIKAN BERKUALITI

### Teras Strategik 1 : Pendidikan Berkualiti

#### Matlamat

Untuk mencapai 6 BINTANG SETARA

#### Ringkasan Eksekutif

Melalui Education 5.0@UiTM, universiti seharusnya mampu melahirkan bumiputera yang berbakat dan kreatif dengan meluaskan akses dan mencipta peluang untuk generasi graduan akan datang yang seimbang dan berciri usahawan. Penyelidikan cemerlang dan rakan kongsi industri mampu mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran profesional dan nilai yang diperlukan untuk mencapai matlamat dan cita-cita. Dalam pada itu, strategi pengajaran dan pembelajaran UiTM seharusnya berimbang balas terhadap pembangunan teknologi dan cabaran-cabarannya, perubahan keperluan pelajar dan majikan serta peluang-peluang baharu. Aspirasi ini sejajar dengan hasrat untuk menyediakan pendidikan kelas dunia dengan program akademik yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan pasaran, seterusnya memperkasa pembangunan negara dan mempertingkat kemakmuran global.

UiTM mensasarkan untuk mencapai penarafan SETARA 6 BINTANG dengan memperkasakan akademik dan pengalaman penyelidikan bagi menyediakan graduan yang anjal dan mapan dengan Revolusi Perindustrian 4.0 supaya menjadi lebih berdaya saing di peringkat global dan mampu melaksanakan tanggungjawab utama kepada pemegang taruh. Program akademik berdaya saing yang dinamik dalam persekitaran pembelajaran yang membolehkan pelajar melalui pembelajaran di mana sahaja pada bila-bila masa merentas disiplin melalui interaksi dengan rakan sebaya, pakar-pakar, pengamal industri dan komuniti yang berkaitan. Penerapan elemen Masyarakat 5.0 (Society 5.0) dalam ekosistem UiTM pasti akan mentransformasi UiTM menjadi universiti untuk masyarakat menjelang 2025.

#### Strategic Themes (STs)

**ST1:** Education 5.0@UiTM (E5.0)

**ST2:** Graduan Seimbang & Berciri Keusahawanan

**ST3:** Peluasan Akses

# Tema Strategik 1: Education 5.0@UiTM


## Matlamat

Education 5.0@UiTM bermatlamat untuk menginsanakan pendidikan dengan memperkasa pelajar melalui kurikulum abad ke-21 dengan menerapkan teknologi digital.

## Strategi

Matlamat ini akan dicapai melalui:

1. Penyediaan asas yang sesuai untuk penubuhan pendidikan bertaraf dunia melalui Education 5.0 yang dapat memupuk pemimpin pelajar berkualiti serta menjadi ahli akademik yang mampu untuk menjadi pemimpin universal melalui prestasi berdasarkan teknologi dan mampu bersaing dengan cabaran global dan tempatan yang semakin meningkat.
2. Pengukuhan nilai-nilai teras dan amalan dalam pengajaran. Dua aspek utama yang diinspirasikan adalah Adab (mengetahui tempat-tempat yang sepatutnya, menghormati dan berkomunikasi sesama manusia dan alam sekitar) dan Amanah (kepercayaan dan integriti) dalam aspek-aspek yang berlainan dalam dunia pendidikan.
3. Penyemakan kurikulum sedia ada dengan meningkatkan bilangan kerjasama antara fakulti, antara disiplin, rentas disiplin dan multidisiplin serta penglibatan lembaga penasihat antarabangsa yang memenuhi keperluan pasaran global.



### Inisiatif Utama Strategi 1


1. Mereka bentuk kerangka pendidik berkualiti untuk memberi inspirasi kepada pendidik
2. Menubuhkan pensyarah pakar
3. Menggalakkan program-program profesor atas permintaan (Professor on Demand)

### Inisiatif Utama Strategi 2

4. Membangunkan pensyarah cemerlang dengan set kemahiran yang relevan
5. Meningkatkan pembelajaran berasaskan Qalb
6. Menggalakkan laluan pembelajaran khusus kendiri
7. Menerobos penilaian pemikiran terkehadapan untuk kemajuan dan pembangunan pembelajaran pelajar (latihan berdasarkan bukti, pembelajaran berpandukan data, pengalaman pembelajaran, pembelajaran analitik)
8. Kaedah pembelajaran suai kendiri (laluan, peranti, masa, ruang, konteks, kurikulum sendiri) dengan penglibatan industri dan komuniti

## Inisiatif Utama Strategi 3

9. Memaksimumkan sektor duaan: High-End TVET dan akademia
10. Menawarkan program akademik antara disiplin dan pelbagai
11. Meluaskan inisiatif Matlamat Pembangunan Lestari rentas kurikulum dan disiplin
12. Menubuhkan Panel Penasihat Antarabangsa
13. Memastikan program akademik yang kebolehsuaian dan bersaingan
14. Memaksimumkan kerjasama antarabangsa dengan universiti Ivy League
15. Mewujudkan perkongsian pengetahuan teknologi industri-kampus-komuniti
16. Jaminan pekerjaan oleh syarikat multinasional untuk 500 orang graduan
17. Mengelakkan status akreditasi kendiri untuk memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti
18. Membina reputasi dalam kalangan rakan akademik, majikan tersohor tempatan dan antarabangsa
19. Menerima kepelbagai dan kelestarian dalam penyampaian (Augmented Reality, Virtual Reality, Mobile & Internet of Thing, Learning on Cloud) dan pembelajaran (MOOC & atas talian)
20. Mempromosikan penilaian pembelajaran melangkaui ujian dan peperiksaan konvensional dengan memanfaatkan teknologi terkehadapan
21. Mewujudkan pengalaman pembelajaran yang bermakna menggunakan platform pengalaman antara fakulti, antara kampus dan multimodal
22. Menyusun atur ruang pembelajaran baharu dan bilik kuliah masa hadapan untuk fakulti dan kampus
23. Mewujudkan pembelajaran global, bilik kuliah global dan bilik kuliah pintar
24. Mengoptimumkan makmal data analitik untuk sains data, rangkaian saraf buatan (ANN) dan analisis pembelajaran mesin



### Petunjuk Prestasi Utama

1. Jumlah program yang mendapat pengiktirafan akreditasi oleh standard profesional di peringkat kebangsaan atau antarabangsa
2. Jumlah program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan

# Tema Strategik 2: Graduan Seimbang & Berciri Keusahawanan

## Matlamat

Universiti ini bertekad menerapkan nilai dalaman untuk kecemerlangan, sinergi, integriti dan juga mendidik set minda keusahawan dalam kalangan pelajar dalam usaha mereka untuk mencapai 90% kebolehpasaran graduan dengan sasaran khusus sebanyak 10% bagi mereka yang mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan global sebagai usahawan.

## Strategi

Matlamat ini akan boleh dicapai dengan:

1. Memperkasa set minda global dalam kalangan pelajar UiTM, mendidik nilai dan mempertingkatkan pengalaman pembelajaran melalui program-program pembangunan pelajar yang seimbang supaya kemampuan kepimpinan, set kemahiran dan daya saing dapat dipertingkat di rantau ini dan dunia sejajar dengan perkembangan digital.
